

Headline	Tanam herba dalam kampus		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Johor)		
Date	02 May 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	238,082
Page No	26	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	212 cm <sup>2</sup>
Journalist	NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR	AdValue	RM 1,822
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,467



# UTM jalin kerjasama dengan FRIM tanam semula pokok hutan

## Tanam herba dalam kampus

Oleh **NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR**

**JOHOR BAHRU** 1 Mei - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menjalinkan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi membangunkan projek penanaman semula pokok hutan dan herba di dalam kawasan kampus milik universiti itu.

Naib Canselor UTM, Profesor Datuk Dr. Zaini Ujang (**gambar**) berkata, UTM memperuntukkan kawasan seluas 10 hektar untuk projek tersebut bagi mewujudkan sebuah kampus berkonsepkan ekopelancongan.

Beliau berkata, langkah tersebut merupakan sebahagian daripada Strategi Lautan Biru dengan menjadikan hutan hujan tropika sebagai salah satu tarikan kepada penuntut baru untuk menjadikan UTM sebagai universiti pilihan mereka.

"Kaedah ini mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif dan para penuntut di sini tidak lagi akan menjalani kehidupan seperti sebelum ini.

"Selepas ini mereka dapat melihat lebih banyak flora dan fauna. Mereka tidak perlu lagi ke Taman Negara Endau Rompin atau ke Sabah atau Sarawak untuk menikmati keindahan alam kerana UTM ada semuanya," katanya kepada pemberita selepas memeterai memorandum persefahaman di antara universiti itu dan FRIM di UTM Skudai, dekat sini semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

UTM memperuntukkan kawasan seluas 10 hektar berhampiran pusat rekreasi di dalam kawasan kampus untuk ditanam dengan pelbagai spesies pokok seperti Meranti, Seraya dan Damar Minyak bagi menghasilkan hutan 'Dipterokrap'.

Zaini berkata, untuk melaksanakan projek hutan berkenaan, pelbagai spesies pokok lain juga akan ditanam termasuk Tualang, Petai dan Ara di kawasan yang lebih rendah yang berdekatan dengan aliran air.

Beliau berkata, satu hektar kawasan berhampiran akan ditanam dengan 20 spesies buluh dan satu hektar lagi akan dijadikan kawasan tanaman herba yang akan mengambil masa tiga tahun untuk disiapkan.



**Selepas ini mereka dapat melihat lebih banyak flora dan fauna. Mereka tidak perlu lagi ke Taman Negara Endau Rompin atau ke Sabah atau Sarawak untuk menikmati keindahan alam kerana UTM ada semuanya**

**DR. ZAINI UJANG**  
Naib Canselor UTM